



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

PENAFIAN PENGLIBATAN PEGAWAI JKM DALAM VIDEO TULAR

PUTRAJAYA, 11 April 2026 – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ingin merujuk kepada satu video yang tular kini di media sosial yang mendakwa keberadaan pegawai JKM dalam video tersebut.

JKM menegaskan bahawa individu yang dirujuk dalam video berkenaan **bukan merupakan pegawai JKM** dan Jabatan ini **tidak terlibat** dalam sebarang tindakan seperti yang digambarkan.

Untuk makluman, setiap pegawai JKM yang menjalankan siasatan adalah tertakluk kepada **tatacara kerja semasa** termasuk memperkenalkan diri, menunjukkan kad kuasa atau pengenalan rasmi serta menjalankan siasatan secara profesional dan beretika.

JKM memandang serius penyebaran maklumat yang tidak tepat yang boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat serta menjejaskan reputasi jabatan.

JKM juga sentiasa mengalu-alukan sebarang pertanyaan atau rujukan berkaitan perkhidmatan melalui **Talian Kasih 15999**, **WhatsApp 019-261 5999** yang beroperasi 24 jam atau dengan menghubungi **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)** yang berhampiran.

Kerjasama orang ramai untuk **tidak menyebarkan maklumat tidak sahih** amat dihargai bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat terus terpelihara.

##TAMAT##

Dikeluarkan Oleh:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

11 APRIL 2026